

Langkah Mempergiatkan PKS di dalam Bajet 2016

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Langkah mempergiatkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui Bajet 2016 dialu-alukan kerana PKS adalah penting sebagai penyumbang kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan peluang pekerjaan sebagai sebuah negara maju. Menjelang 2020, PKS dijangka menyumbangkan 41 peratus kepada KDNK, 62 peratus kepada pekerjaan dan 25% kepada eksport negara. Di dalam usaha untuk mencapai matlamat ini, Bajet 2016 mengambil lima langkah secara langsung seperti berikut untuk mempergiatkan PKS:

- Pertama: Tambahan satu bilion ringgit bagi Skim Dana Pembiayaan PKS Patuh Syariah sehingga 31 Disember 2017, dengan kerajaan menanggung dua peratus daripada kadar keuntungan pembiayaan;
- Kedua: 107 juta ringgit untuk Pelan Induk PKS bagi pemberian dana di pelbagai peringkat perniagaan;
- Ketiga: 60 juta ringgit untuk Skim Anjakan Usahawan dan Skim Peningkatan Kapasiti serta Keupayaan PKS;
- Keempat: Menubuhkan dana pinjaman mudah *SME Technology Transformation Fund* sejumlah 200 juta ringgit, di bawah SME Bank pada kadar faedah empat peratus; dan
- Kelima: 18 juta ringgit untuk memperluas Projek Transformasi Kedai Runcit atau TUKAR, dan Projek *Automotive Workshop Modernisation* atau ATOM.

PKS bukan sahaja melibatkan sektor pembuatan, bahkan juga termasuk sektor perkhidmatan dan lain-lain. PKS pula terbahagi kepada tiga kategori mengikut bilangan pekerja atau jumlah jualan tahunan. Kategori tersebut adalah mikro, kecil dan sederhana. PKS mikro mempunyai pekerja tidak melebihi lima orang, manakala PKS

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

sederhana mempunyai pekerja tidak melebihi 200 orang untuk sektor pembuatan dan tidak melebihi 75 orang untuk lain-lain sektor. Maka, PKS meliputi perusahaan dari sekecil-kecilnya yang mempunyai seorang pekerja hinggalah kepada PKS sederhana sektor pembuatan dengan 200 pekerja maksimum.

Rakyat, terutamanya golongan muda perlu mengambil manfaat dari kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan ini sama ada secara langsung atau tidak. Namun, langkah pertama yang perlu di ambil oleh para bakal usahawan PKS adalah pembedaan pemikiran. Penglibatan di dalam PKS tidak mempunyai batasan. Ianya boleh di ceburi oleh sesiapa sahaja tanpa mengira latar belakang pelajaran, sama ada lepasan universiti, lulusan kemahiran, mahupun golongan yang tercicir. Justeru, tanggapan bahawa PKS, terutamanya PKS mikro, hanya sesuai untuk golongan yang tercicir di dalam pelajaran atau pun tidak sesuai bagi graduan universiti adalah tidak benar. Penceburan di dalam PKS mikro juga tidak terbatas sebagai pilihan terakhir kerana tiada pekerjaan, malahan ianya perlu dijadikan pilihan utama.

Keperluan utama untuk memulakan PKS adalah keusahawanan (*entrepreneurship*). Ianya diklasifikasikan sebagai salah satu daripada empat faktor pengeluaran. Tiga yang lain adalah tanah, buruh dan modal. Bahkan, keusahawanan merupakan faktor terpenting yang berupaya menggabungkan ketiga-tiga faktor lain untuk membuat pengeluaran.

Untuk mendapatkan sebuah masyarakat yang berdaya saing, para graduan universiti perlu memberi keutamaan memilih PKS sebagai kerjaya mereka. Ini merupakan suatu anjakan paradigma yang penting, di mana PKS bukan sebagai pilihan kedua kerana tiada peluang pekerjaan. Sebaliknya PKS sebagai pilihan utama untuk menyerlahkan kreativiti mereka. Apa yang dipelajari di dalam kelas boleh di praktik di dunia luar dan yang lebih penting ianya menjadi suatu kerjaya. Contohnya, ramai pelajar-pelajar Amerika yang mengambil jurusan perniagaan tani bertujuan untuk berkhidmat di ladang keluarga mereka, bukan untuk mencari pekerjaan. Dengan cara itu bukan sahaja mereka dapat mengekalkan aktiviti pertanian sebagai suatu perniagaan, bahkan mereka mampu meningkatkan produktiviti dari masa ke semasa.

Perkongsian pintar antara graduan universiti dengan rakan berkemahiran mungkin perlu dipertingkatkan untuk mengoptimumkan produktiviti. Sejarah menunjukkan bahawa tidak kurang juga PKS yang di mulakan melalui perkongsian pintar begini mampu berkembang menjadi sebuah organisasi besar. Contohnya, *Apple Inc.* sebuah syarikat teknologi multinasional terkemuka berpangkalan di Amerika yang diasaskan oleh Steve Jobs di mulakan di dalam garaj secara kecil-kecilan melalui perkongsian.

Namun demikian, umur juga tidak seharusnya menjadi penghalang untuk menceburkan diri di dalam PKS. Terdapat ramai juga usahawan PKS yang berjaya memulakan perniagaan selepas bersara. Mereka sama ada memanfaatkan kepakaran dan pengalaman pekerjaan mereka atau semata-mata sebagai mengkomersialkan hobi.

Pendek kata, semua golongan masyarakat yang berupaya harus mengambil kesempatan untuk memanfaatkan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan untuk mempergiatkan PKS. Pemilihan perusahaan yang ingin diceburi harus berpaksikan keupayaan masing-masing. Pengusaha harus menceburkan diri di dalam aktiviti yang ia mempunyai kepakaran supaya mendapat keuntungan yang maksimum.

Pemilihan aktiviti PKS untuk di ceburi pula tidak harus tertumpu semata-mata kepada sektor pembuatan, tetapi meliputi semua aktiviti hulu dan hiliran dari pembuatan tersebut. Pemilihan aktiviti ini adalah bergantung kepada kreativiti atau daya keusahawanan pengusaha sendiri. Sebagai garis panduan, pengusaha perlu menerapkan konsep pengeluaran untuk pasaran global untuk memaksimumkan keuntungan. Oleh kerana Malaysia merupakan sebuah ekonomi terbuka, maka pasaran juga tidak terhad kepada domestik. Dengan sendirinya kualiti produk yang dikeluarkan perlulah mencapai tahap yang diterima di seluruh dunia.

Perhatian juga harus diberi kepada rantai nilai global yang kini mendapat momentum di dalam proses pengeluaran dunia. Melalui konsep ini, pengeluar produk akhir bergantung kepada input perantaraan dari serata dunia berasaskan kualiti yang bersesuaian dengan kos termurah. Malaysia perlu berada di dalam rantai nilai global ini untuk meraih faedah, dan para pengusaha mesti mampu mengambil kesempatan untuk menjadi sebahagian dari rantai ini.

Aktiviti pengeluaran merentasi sempadan untuk pasaran dunia melalui proses rantaian nilai global ini termasuk juga aktiviti sokongan seperti pembungkusan, penghantaran, pengagihan dan sebagainya. Ini bermakna pelbagai peluang disajikan kepada usahawan-usahawan yang mampu bersaing di peringkat global.

Untuk mempertingkatkan lagi daya saing, pengusaha-pengusaha harus bergandingan sesama sendiri. Ini boleh dilakukan sama ada melalui inisiatif agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, atau melalui inisiatif pengusaha sendiri. Kerjasama begini mampu mewujudkan ekonomi bidang. Dengan ini juga nilai tambah para usahawan dapat ditingkatkan.

Di antara sektor yang perlu diberi tumpuan termasuk pertanian dan pelancongan. Malaysia mempunyai keباikan bandingan semula jadi di dalam kedua-dua sektor ini. Para petani perlu mempelbagaikan aktiviti mereka dari semata-mata bergantung kepada pengeluaran komoditi, dengan penglibatan di dalam sektor pembuatan berasaskan pertanian. Nilai tambah yang tinggi mampu dijana melalui aktiviti pembuatan berasaskan pertanian dan segala aktiviti hilirannya. Dalam pada itu, pelancongan berasaskan pertanian juga kian mendapat tempat di kalangan pelancong luar. Tidak banyak negara-negara lain yang menjadi pesaing terus kepada Malaysia berasaskan kedudukannya yang unik di dalam kawasan tropika. Kelebihan ini perlu di raih secara optimum.